



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN SEMPORNA:
ADVOKASI ANTI GANGGUAN SEKSUAL X *ELIMINATE VIOLENCE*
AGAINST WOMEN (AAGS X EVAW)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**HOTEL SEAFEST, SEMPORNA | 10 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)
12.00 TENGAH HARI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah SWT, kita dapat berhimpun pada hari ini dengan membawa mesej jelas dalam **Program Toleransi Sifar Keganasan Semporna: Advokasi Anti Gangguan Seksual X *Eliminate Violence Against Women* (AAGS X EVAW)**. Setinggi-tinggi penghargaan kepada **Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah (JHEWA)** dan **Pejabat Daerah Semporna** atas kesudian menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam menjayakan program ini.

2. Penggabungan AAGS dan EVAW amat signifikan kerana membawa mesej yang jelas bahawa sebarang bentuk keganasan, penderaan atau gangguan tidak boleh dinormalisasikan, diterima atau dibiarkan berlaku. Keselamatan serta maruah wanita ialah hak asasi yang wajib dilindungi oleh segenap lapisan masyarakat.

3. Melalui **AAGS**, masyarakat diberi pengetahuan dan kefahaman tentang bentuk-bentuk gangguan seksual serta hak individu agar langkah pencegahan dan saluran tindakan boleh segera diambil. **EVAW** pula memberi tumpuan kepada usaha mencegah dan menangani keganasan terhadap wanita dalam pelbagai bentuk, termasuk keganasan fizikal, seksual, psikologi, ekonomi dan keganasan dalam ruang digital. Selain pencegahan awal dan pengenalpastian risiko, mangsa diberi perlindungan serta akses kepada bantuan yang bersesuaian dan keadilan.

4. Justeru, keselamatan dan maruah wanita bukan tanggungjawab satu pihak semata-mata. Ia memerlukan komitmen bersama keluarga, komuniti, institusi pendidikan, tempat kerja, agensi kerajaan dan masyarakat sivil untuk membina persekitaran yang bukan sahaja selamat, tetapi turut berani menolak dan bertindak terhadap sebarang bentuk keganasan dan gangguan.

Hadirin yang dihormati,

5. Pemilihan Semporna sebagai lokasi penganjuran program ini amat bertepatan kerana usaha menyebarkan advokasi kesedaran untuk menangani gangguan seksual dan keganasan perlu sampai kepada setiap lapisan masyarakat. Semporna juga mempunyai komuniti yang pelbagai, termasuk mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pulau-pulau. Justeru, mesej kita hari ini amat jelas. Program ini membuktikan komitmen Kerajaan bahawa tiada sesiapa yang akan tercicir daripada memperoleh pengetahuan, menerima perlindungan dan mendapat akses kepada saluran bantuan.

6. Kita juga tidak mahu masyarakat sekeliling sekadar mengetahui bahawa gangguan seksual atau keganasan itu satu perbuatan yang salah. Kita mahu setiap orang tahu apa yang perlu dilakukan dengan segera apabila situasi tersebut berlaku, di mana mereka boleh mendapatkan bantuan, dan bagaimana kita sebagai sebuah komuniti boleh bersama-sama mencegahnya daripada terus berlaku.

(B) AKTA DAN TRIBUNAL

Hadirin yang dihormati,

7. Gangguan seksual mencabuli maruah, menjejaskan kesejahteraan mangsa dan dalam keadaan tertentu, boleh melibatkan kesalahan jenayah. Jika dibiarkan, tingkah laku ini boleh berulang dan menjadi lebih serius. Oleh, kita mesti berani menolak, menegur dan bertindak. Tiada ruang, tiada alasan dan tiada toleransi terhadap gangguan seksual dalam masyarakat kita.
8. Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan trend yang membimbangkan. Pada tahun **2022**, sebanyak **477 kes**

gangguan seksual telah direkodkan. Jumlah ini meningkat kepada **522 kes** pada tahun **2023**, **788 kes** pada tahun **2024** dan seterusnya **1,083 kes** pada tahun **2025**. Sehingga **31 Mei 2026** pula, sebanyak **388 kes** telah dilaporkan di seluruh negara, termasuk **31 kes** di negeri Sabah.

9. Angka-angka ini sememangnya menimbulkan kebimbangan kerana ia berkait rapat dengan soal keselamatan, hak asasi individu dan kesejahteraan masyarakat. Pada masa yang sama, peningkatan laporan juga mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat serta keberanian lebih ramai mangsa

untuk tampil membuat laporan dan tahu bagaimana untuk mendapatkan bantuan.

10. Kerajaan telah mengambil langkah tegas dalam menangani isu gangguan seksual melalui penggubalan dan pelaksanaan **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**, yang mula berkuat kuasa pada **8 Mac 2024**. Pelaksanaan Akta ini turut diperkukuh dengan garis panduan keselamatan yang jelas agar masyarakat memahami langkah pencegahan, tindakan yang boleh diambil serta bentuk perlindungan yang tersedia kepada mangsa.

11. Selain itu, penubuhan dan pengoperasian **Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS)** pada **8 Mac 2024** juga telah menyediakan satu saluran alternatif yang lebih mudah, cepat dan dengan kos minimum kepada mangsa untuk mendapatkan pembelaan. Sehingga **30 Ogos 2026**, sebanyak **134 aduan** telah difailkan, dan **90** daripadanya telah berjaya diselesaikan. Ini menunjukkan bahawa TAGS berperanan penting sebagai salah satu saluran membantu mangsa mendapatkan penyelesaian dan pembelaan terhadap insiden gangguan seksual yang dialami. Perkembangan ini

perlu disokong secara berterusan melalui advokasi, pendidikan dan penyediaan saluran bantuan yang mudah diakses agar mangsa tidak terus berdiam diri apabila berdepan dengan gangguan seksual.

(C) HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA (*ELIMINATE VIOLENCE AGAINST WOMEN - EVAW*)

Hadirin sekalian,

12. Pada **25 November** setiap tahun, dunia memperingati **Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Keganasan terhadap Wanita**, yang turut menandakan bermulanya **Kempen 16 Hari Aktivisme Menentang Keganasan Berasaskan Gender** sehingga 10 Disember. Tema yang dibawa pada tahun ini iaitu *“UNiTE to End Violence Against Women and Girls: Ensure justice, protect survivors, end impunity”* menjadi peringatan kepada kita semua bahawa keganasan terhadap wanita merupakan isu yang perlu ditangani secara serius, berterusan dan bersama-sama.

13. Pada tahun **2024**, statistik PDRM telah merekodkan sebanyak **7,116 kes keganasan rumah tangga**. Jumlah ini meningkat kepada **7,391 kes** pada tahun 2025, manakala sehingga Julai tahun ini, sebanyak **4,646 kes** termasuk **424 kes** di negeri Sabah telah dilaporkan. Angka ini menunjukkan bahawa isu keselamatan wanita memerlukan tindakan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan berterusan menerusi pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*.
14. Justeru, KPWKM melalui JPW telah menggerakkan **Kempen EVAW** secara meluas sepanjang tahun dengan menyatukan

pelbagai usaha advokasi, pencegahan, perlindungan dan pemerkasaan di bawah satu mesej yang jelas iaitu **keganasan terhadap wanita tidak boleh diterima, dinormalisasikan atau disembunyikan.**

15. Sebagai tanda solidariti terhadap usaha ini, Kempen *Orange the Nation* digerakkan melalui **Inisiatif Pencahayaan Oren** di semua bangunan di seluruh negara menjelang sambutan EVAW pada 25 November. Ini merupakan satu simbolik yang melambangkan harapan dan masa depan yang bebas daripada sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Di

kesempatan ini, saya ingin mengajak semua Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk bersama-sama menyinari ruang bangunan masing-masing dengan cahaya berwarna oren di kesemua bangunan di seluruh negara untuk menyampaikan mesej solidariti yang sama.

(D) TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Hadirin yang dihormati,

16. Kita semua mempunyai peranan dalam membina persekitaran yang selamat dan bebas daripada keganasan. Sebagai ibu bapa, kita perlu mendidik anak-anak tentang keselamatan diri dan batas pergaulan. Sebagai guru, kita tanamkan nilai hormat dan empati di sekolah. Sebagai majikan dan rakan sekerja, kita pastikan tempat kerja bebas daripada sebarang bentuk gangguan. Dan sebagai pelajar serta anggota masyarakat, kita perlu belajar untuk saling menghormati dan menjaga antara satu sama lain.

(E) PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya menitipkan beberapa pesanan kepada semua yang hadir:

- **Beranilah bersuara** dan jangan takut untuk menggunakan saluran yang betul apabila berdepan dengan gangguan seksual, seperti melalui Tribunal Anti-gangguan Seksual;
- **Simpan bukti** kerana bukti boleh membantu dalam proses

mendapatkan pembelaan;

- **Jangan pendam atau hadapi seorang diri.** Segera dapatkan bantuan daripada pihak yang boleh dipercayai atau melalui saluran yang tersedia;
- **Berikan sokongan kepada mangsa.** Keluarga, rakan-rakan dan masyarakat, jangan biarkan mereka berjuang sendirian. Dengar tanpa menghakimi dan bantu mereka mendapatkan perlindungan yang sewajarnya; dan yang paling penting,

- **Ketahui hak kita** khususnya kaum wanita, supaya setiap individu tahu bagaimana untuk melindungi diri dan mendapatkan bantuan apabila diperlukan.

18. Akhir kata, marilah kita membina masyarakat yang berani berkata **tidak** kepada gangguan seksual dan keganasan terhadap wanita, serta berani **bertindak** apabila melihatnya berlaku. Perubahan tidak akan terhasil melalui kesedaran semata-mata, tetapi melalui sikap, keberanian dan tindakan bersama. **Apabila kita menjaga maruah seorang wanita, kita sedang menjaga sebuah keluarga; apabila kita memutuskan**

kitaran keganasan hari ini, kita sedang melindungi generasi yang akan datang.

19. Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Toleransi Sifar Keganasan Semporna: Advokasi Anti Gangguan Seksual X *Eliminate Violence Against Women* (AAGS X EVAW).**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamua'laikum WBT.

Terima kasih.